

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
PEJABAT PENDAFTAR**

**SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN  
PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41**

1. **Matlamat Sukatan** : (i) Untuk mengukur tahap kefahaman pegawai terhadap asas perundangan yang berkuatkuasa dalam melaksanakan tugas dan kewajipan mereka sebagai Pegawai Keselamatan  
  
(ii) Untuk memastikan pegawai-pegawai memahami undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta tahu melaksanakannya dalam segala urusan harian mereka.  
  
(iii) Untuk memastikan semua pegawai mengenali organisasi Universiti Putra Malaysia (UPM) tempat mereka bertugas serta mengetahui peranan dan tanggungjawab masing-masing selaras dengan fungsi dan matlamat UPM.
2. **Tujuan Peperiksaan** : Untuk pengesahan dalam jawatan bagi Pegawai Keselamatan Gred KP41 lantikan terus.
3. **Pegawai Yang Layak Menduduki Peperiksaan** : Pegawai Keselamatan yang belum disahkan dalam jawatan.
4. **Sukatan Peperiksaan (termasuk Soalan dan Masa)** : Mengandungi satu (1) kertas iaitu:  
Bahagian C – Subjek Jabatan
5. **Pengecualian** : Calon-calon yang telah lulus mana-mana bahagian adalah dikecualikan daripada mengambil bahagian berkenaan.
6. **Kelulusan** : Lulus/Gagal  
skima pemarkahan:  
0 – 59 = gagal  
60 – 100 = lulus

7. **Pemeriksa** : Akan dilantik oleh Jawatankuasa Peperiksaan Jabatan Universiti Putra Malaysia.
8. **Bahasa** : Bahasa Malaysia  
(Soalan dan Jawapan)
9. **Permohonan Mengambil Peperiksaan Hendaklah Dikemukakan Kepada** : Pejabat Pendaftar Universiti Putra Malaysia 43400 UPM SERDANG
10. **Pusat Peperiksaan** : Akan ditetapkan oleh Pejabat Pendaftar, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
11. **Keseringan Peperiksaan** : Dua (2) kali setahun
12. **Tarikh Akhir Mengemukakan Permohonan** : Seperti yang ditetapkan oleh Pejabat Pendaftar.

## **BAHAGIAN C**

### **SUBJEK JABATAN**

Soalan-soalan akan ditanya berhubung kepada pengetahuan pengurusan keselamatan fizikal di sesebuah Universiti Awam khususnya UPM.

- i. Pengetahuan yang berkaitan dengan semua aspek pengurusan sesebuah organisasi keselamatan iaitu pengurusan personal, misi dan visi jabatan dan pengurusan logistik dan kenderaan.
- ii. Pengendalian semua aspek dan tugas dan tanggungjawab mencegah jenayah;
  - (a) Melaksanakan pencegahan jenayah terhadap harta benda Universiti, keselamatan fizikal pelajar dan staf serta orang ramai
  - (b) Menilai ancaman dan risiko pencerobohan dan jenayah di dalam kawasan Kampus
  - (c) mencegah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar dan staf Universiti
  - (d) mengawal, menyelia dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan kenderaan dan trafik
  - (e) melaksanakan Inspektorat Keselamatan
  - (f) kawalan keselamatan terhadap perhimpunan majlis rasmi
  - (g) pengiringan orang kenamaan
  - (h) kawalan rapat terhadap pembesar negara dan melaksanakan intipan; dan
  - (i) risikan keselamatan
- iii. Pengurusan keselamatan terhadap aset sensitif milik Pusat seperti kenderaan, alat perhubungan dan senjata api.
- iv. Fungsi sebagai *1st responder* dan tindakan kecemasan semasa bencana dan kecemasan dan kawalan orang ramai ketika kejadian bencana.
- v. Pemahaman dan pengetahuan berhubung undang-undang berkaitan;
  - (a) Menahan dan menangkap pesalah (Kanun Acara Jenayah)
  - (b) Hak mempertahankan diri (Kanun Keseksaan)
  - (c) Hak menggunakan kekerasan yang perlu ketika melaksanakan tangkapan (Kanun Acara Jenayah)
  - (d) Kuasa untuk menyekat, melencong dan mengubah laluan jalan raya (Akta Polis)
  - (e) Kuasa untuk membawa dan menggunakan senjata api (Akta Polis dan Hukuman Tetap Ketua Polis Negara)
  - (f) Kuasa untuk memeriksa kad pengenalan dan lesen memandu (Akta Pendaftaran Negara dan Akta Pengangkutan Jalan)
  - (g) Kuasa untuk menahan dan memeriksa kenderaan motor (Akta Pengangkutan Jalan dan Akta Polis)
- vi. Penguatkuasaan Akta dan Statut Universiti terhadap pelajar Universiti
- vii. Penyeliaan, pemantauan dan pelaksanaan operasi terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan swasta dan agensi keselamatan lain yang ditugaskan di dalam kawasan Kampus

- viii. Melaksanakan risikan dan penyiasatan dan rakaman percakapan untuk subjek, suspek dan mangsa menurut Akta Keterangan dan Kanun Prosedur Jenayah dalam kes-kes jenayah yang dilaporkan kepada Pusat – Menyediakan kertas maklumat risikan, kenyataan beramaran “*cautios statement*”, dan Kertas Penyiasatan untuk tindakan Pejabat Pendaftar.
- ix. Arahan Tetap Operasi, Arahan Tetap Pengarah Keselamatan, Hukuman Tetap Ketua Polis Negara (HTKPN) dan Pekeliling Kerajaan dan Universiti berkaitan keselamatan.

Calon-calon dikehendaki menjawab **LIMA (5) soalan** daripada **Tujuh (7) soalan**

**Markah : 100%**  
**Masa : 3 jam**

Calon-calon dibenarkan merujuk kepada perintah-perintah dan arahan-arahan di atas.